

Faks: 237605  
Tel: 088-252692  
Bil KEW.100-4/ Klt.2/(58)  
Tarikh : 12 Julai 2000



**KEMENTERIAN KEWANGAN**  
Wisma kewangan  
88593 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

---

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Jabatan Ketua Menteri  
**KOTA KINABALU**

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri

Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Ketua Syarikat Kerajaan Negeri

**PEROLEHAN PERISIAN *LOTUS SMARTSUITE*  
OLEH KERAJAAN NEGERI SABAH MELALUI KONTRAK PUSAT**

1. **PERIHAL**

- 1.1 Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Negeri Sabah bagi pihak Kerajaan Negeri Sabah telah mengadakan satu (1) kontrak pukal bagi perolehan perisian **Lotus Smartsuite** yang **perlu** digunakan oleh semua Agensi Kerajaan Negeri Sabah (melibatkan semua kementerian dan jabatan Kerajaan Negeri, pejabat atau agensi Perkhidmatan Negeri Sabah termasuk perbadanan Kerajaan dan badan-badan berkanun Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan serta syarikat-syarikat yang Kerajaan Negeri mempunyai hakmilik ekuiti sebanyak 50% atau lebih) bagi memastikan setiap mikrokomputer yang terdapat di semua Agensi Kerajaan Negeri Sabah menggunakan perisian yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri adalah sah dan berlesen serta mematuhi Akta Hak Cipta 1987.

BIL : KEW 100-4/4 Klt.2/(58)

TARIKH : Julai 2000

---

2. **NOMBOR DAN TAJUK KONTRAK**

2.1 Nombor Kontrak: **KEW: 04/2000**

2.2 Nama Kontrak: **PEROLEHAN PERISIAN *LOTUS SMARTSUITE*  
OLEH KERAJAAN NEGERI SABAH**

3. **BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR**

3.1 Nama Kontraktor: ***SYARIKAT SAJAK***

3.2 Alamat Kontraktor: ***P.O. Box 13819, 88844 KOTA KINABALU***

3.3 Nombor Telefon: ***088-420887***

3.4 Nombor Fax: ***088-433000***

4. **TEMPOH KONTRAK**

4.1 Tempoh kontrak ini adalah untuk selama tiga (3) tahun bermula daripada **28 Jun 2000** sehingga **27 Jun 2003**.

5. **SKOP KONTRAK**

5.1 Melalui kontrak ini, Kontraktor akan membekalkan perisian asal **Lotus Smartsuite** berserta dokumen berkaitan dan sijil lesen pengesahan penggunaan oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri.

5.2 Semua Agensi Kerajaan Negeri Sabah adalah dikehendaki untuk melengkapkan semua mikrokomputer yang digunakan dengan perisian yang berlesen. Sebarang perisian yang sedang digunakan dan tidak mempunyai lesen yang terdapat pada setiap mikrokumputer Agensi Kerajaan Negeri Sabah hendaklah dihapuskan. Namun demikian, semua perisian aplikasi lain yang berlesen masih boleh terus digunakan.

5.3 Dalam tempoh kontrak ini juga, Kontraktor akan sentiasa memaklumkan Kerajaan Negeri Sabah mengenai versi terbaru perisian **Lotus Smartsuite**, sekiranya ada, dan semua Agensi Kerajaan Negeri Sabah adalah juga berhak untuk mendapatkan perisian versi terbaru tersebut melalui Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri.

BIL: KEW 100-4/4 Klt.2/(58)

TARIKH: Julai 2000

---

- 5.4 Semua Agensi Kerajaan Negeri hendaklah merujuk kepada **Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri** bagi mendapatkan keterangan lanjut mengenai cara untuk mendapatkan salinan perisian **Lotus Smartsuite** tersebut atau menghubungi terus **Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Encik Koh Choon Kong (Tel: 088-256216) atau Encik Joe Galasius (Tel: 088-256785)**.
- 5.5 Kuantiti perisian **Lotus Smartsuite** yang boleh digunakan oleh Kerajaan adalah tidak terhad.

## 6. **PENGGUNAAN KONTRAK**


- 6.1 Semua Agensi Kerajaan Negeri Sabah dikehendaki menggunakan kontrak ini bagi perolehan perisian **Lotus Smartsuite** dan semua kos yang terlibat telah termasuk dalam kontrak ini. Sebarang penyelewengan dalam kontrak ini yang mengakibatkan kerugian hasil Kerajaan, maka pegawai yang terlibat akan diambil tindakan yang sewajarnya.
- 6.2 Dalam tempoh kontrak ini, sebarang perolehan dan penggunaan perisian selain daripada yang terdapat dalam kontrak ini, adalah diluar tanggungjawab Kerajaan Negeri Sabah.

## 7. **HAL-HAL LAIN**

- 7.1 Jika ada apa-apa masalah dalam pelaksanaan kontrak ini, semua Agensi Kerajaan Negeri Sabah adalah dinasihatkan supaya menghubungi **Hj. Najib Sulaiman (Tel: 088-212923) atau Encik Mohd. Tahir Talip (Tel: 088-253316), Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Akaun, Kementerian Kewangan Negeri Sabah**.

Sekian dan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”



**(DATUK HAJI S. ABDILLAH HASSAN, JP)**  
Setiausaha Tetap